

SKMM turun padang naik taraf liputan 4G

BATU PAHAT: Proses naik taraf pemancar telekomunikasi bagi perluasan liputan 4G serta meningkatkan kualiti perkhidmatan daripada 3G dilakukan di menara Kampung Parit Muhammad, di sini yang bermula sejak Mac lalu.

Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Johor, Muhammad Azhar Zakaria berkata, kerja menaik taraf itu dijangka dapat mengatasi masalah capaian di kawasan sekitar termasuk Kampung Parit Puasa yang dilaporkan *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Menurut beliau, menara tersebut merupakan salah satu daripada 343 menara pemancar di negeri ini yang sedang dinaik taraf di bawah program Jalinan Digital Negara (Jendela) melalui dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) oleh SKMM.

"Kami mengambil maklum tentang masalah dihadapi pengguna di kawasan ini terutama anak-anak mereka yang berdepan kesukaran ketika mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

"SKMM bersama pihak penyedia perkhidmatan turun padang bagi melihat sendiri



MUHAMMAD Azhar Zakaria (dua dari kanan) memberi penerangan kepada Noridi Yasa (kiri) dan abangnya, Norhisam (tengah) ketika melakukan tinjauan bersama pihak penyedia perkhidmatan di Kampung Parit Puasa, Batu Pahat di Johor.

permasalahan yang dinyatakan dan didapati kawasan ini menerima isyarat daripada menara di Kampung Parit Muhammad yang memang tersenarai dalam proses menaik taraf kepada 4G.

"Peralihan daripada teknologi 3G kepada 4G akan menawarkan kualiti serta pengalaman perkhidmatan internet yang lebih baik terutamanya dari segi kualiti perhubungan suara

serta peningkatan kelajuan capaian internet, megabit sesaat (Mbps)," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Pada Khamis lalu, akhbar ini melaporkan kesukaran seorang

bapa yang 'mengembara' sejauh lima kilometer setiap hari bagi mendapatkan liputan internet yang lebih stabil berbanding di rumahnya di Kampung Parit Puasa ketika anak-anaknya mengikuti PdPR.

Masalah itu mendapat respons pantas daripada Muhammad Azhar yang terus turun sendiri ke lokasi pada hari sama sebelum mengatur satu lagi pertemuan bersama-sama pihak penyedia perkhidmatan di kampung itu, kelmarin.

Sementara itu, Muhammad Azhar berkata, 22 buah menara pemancar baharu juga sedang dibina di seluruh negeri ini di kawasan luar bandar bagi memberikan perluasan capaian kepada pengguna.

"Projek-projek pembinaan itu juga termasuk di bawah program Jendela melalui dana USP bagi peluasan rangkaian perkhidmatan 4G di negeri Johor sekali gus memberi manfaat kepada komuniti termasuk pelajar," katanya.

Dalam pada itu, pengadu, Noridi Yasa, 40, berterima kasih kepada pihak SKMM yang memberi tindak balas cepat berhubung masalah yang dihadapi mereka selama ini.